

Kanak-kanak dwibahasa mudah pelajari bahasa ketiga

KANAK-KANAK dwibahasa mampu mempelajari bahasa ketiga dengan lebih mudah, menurut satu kajian Universiti Nasional Singapura (NUS).

Mereka boleh membezakan perkataan bahasa asing, tidak seperti kanak-kanak yang fasih hanya satu bahasa.

“Ini menunjukkan jurang mempelajari bahasa tambahan semakin menipis bagi kanak-kanak yang fasih satu bahasa berbanding kanak-kanak dwibahasa,” kata Profesor Madya Leher Singh daripada

jabatan psikologi NUS.

Sepanjang kajian sembilan bulan itu, kanak-kanak yang terdedah hanya kepada bahasa Inggeris dan mereka yang mengetahui bahasa Inggeris dan Mandarin didedahkan kepada bahasa Afrika selatan, Ndebele.

Selepas itu, mereka ditunjukkan imej sama tetapi kali ini perkataan berbeza dibacakan.

Kanak-kanak dwibahasa dapat mengenali perbezaan daripada segi bunyi manakala kanak-kanak fasih satu ba-

hasa, atau ekabahasa, tidak dapat melakukan demikian.

Dapatan itu, yang diterbitkan dalam jurnal saintifik *Pembangunan Kanak-Kanak Mei* lalu, terus menyokong teori bahawa mendedahkan kanak-kanak kepada dua bahasa pada masa yang sama mempunyai manfaat kognitif.

Kajian sebelum ini oleh Prof Singh dan kumpulannya mendapati bayi dwibahasa boleh memahami garis panduan setiap bahasa lebih pantas daripada bayi ekabahasa.

Seorang kanak-kanak mempelajari bahasa dengan lebih pantas dari dilahirkan hinggalah usia tiga tahun. Sebelum ini, ramai yang berfikir bahawa mengajar anak dua bahasa pada masa yang sama akan menjejaskan proses pembelajaran kedua bahasa itu, kata Prof Singh.

Beliau berkata: “Kajian ini menunjukkan ibu bapa yang cuba membesarkan anak-anak dwibahasa tidak seharusnya bimbang dan seharusnya kita perlu lebih sedar bahawa ia adalah lebih memanfaatkan bagi kanak-kanak tersebut.”